

UNIVERSITI MALAYA

Dengan segala hormatnya bagi pihak warga Universiti Malaya, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di atas jasa dan bakti serta kepimpinan yang terserlah sehingga Malaysia dihormati di persada antarabangsa.

Sesungguhnya Y.A.B. Dato Seri telah membuktikan bahawa Malaysia berkeupayaan untuk mencapai berbagai mercu tanda jikalau rakyatnya bekerja keras dan mempunyai keinginan yang tinggi untuk berjaya.

Kami mendoakan Y.A.B. Dato Seri dan Y.A.Bhg. Datin Seri Dr. Siti Hasmah sekeluarga sentiasa sihat walafiat dan selamat sejahtera di dalam perlindungan Allah s.w.t.

BH 31/10/2003 - 23 PRECISE MAHATHIR MOHAMAD PERDANA MENTERI

*Dalam kebimbangan, Tuan meneroka
Dalam himpitan, Tuan bersuara.
Dalam kesulitan, Tuan mara.*

*Tuan punya usia, terjaga
sejak remaja.
Tuan melewati remaja
serba terduga.
Pengalaman mengajar Tuan.*

*Tuan punya secangkir penawar;
Buat mereda kebimbangan,
Buat menyanggah himpitan,
Buat mengubati kesengsaraan.*

*Tuan umpama setinggi,
Membawa bauan semerbak wangi.*

Maka Negara pun menjadi taman pelangi.

*Salam sejahtera Perdana Menteri,
Tuanlah wira Negara
Seluruh rakyat beriman
Mendoakan Tuan sejahtera.*

*Selamat berbahagia Perdana Menteri,
Kita kehilangan Tuan.*

Ikhlas daripada:



Hashim Yaacob
Naib Canselor
Universiti Malaya

**NAIB CANSELOR DAN SELURUH WARGA
UNIVERSITI MALAYA**